

12 APR 2001

PIKET MTUC TIDAK BERMOTIFKAN POLITIK, KATA SETIAUSAHA AGUNG

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Keputusan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk berpiket pada 12 Mei ini bukan bermotifkan politik dan ia juga bukan sengaja dirancang diadakan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Buruh Asean di sini pada masa itu, kata Setiausaha Agungnya G. Rajasekaran hari ini.

"Majlis am MTUC mahu menetapkan tarikh bagi piket itu sebulan selepas 6 April dan oleh kerana 6 Mei adalah hari Ahad dan oleh kerana Sabtu yang satu lagi jatuh pada 12 Mei, maka kami putuskan hari berkenaan untuk mengadakan piket itu," katanya kepada Bernama.

Semalam, Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn menasihatkan MTUC untuk tidak terpengaruh dengan pembangkang dengan meneruskan piket itu kerana ia akan menjejaskan imej negara sebagai tuan rumah mesyuarat antarabangsa.

MTUC, yang dianggotai setengah juta pekerja, tidak berpuas hati dengan keputusan tertentu yang telah diambil oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja seperti dividen yang rendah, skim anuiti (skim persaraan) dan pengurangan potongan caruman pekerja kepada KWSP.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa kesatuan sekerja itu untuk membatalkan rancangan mereka untuk berpiket dengan menyatakan bahawa ini bukan masa yang sesuai untuk mengambil tindakan drastik seumpama itu kerana negara sedang menghadapi masalah ekonomi.

Rajasekaran berkata MTUC masih merancang untuk mengadakan piket itu dan ia hanya terhad di ibu pejabat KWSP dan bukannya di seluruh negara.

-- BERNAMA

SR AHH RHM MAI